



Rujukan : PKN.A.1/9-2/Jld.3(27)
Bertarikh : 8 Ramadan 1443H
10 April 2022M

PEKELILING KONTRAK PERBENDAHARAAN NEGERI BIL. 01/2022

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

YB. Dato'/YABhg. Dato'/YM Tengku/Tuan/Puan,

KONTRAK BAGI MEMBEKAL, MEMASANG DAN MENYUSUN PERABOT KEPADA SEMUA JABATAN KERAJAAN NEGERI DI SELURUH KELANTAN BAGI TAHUN 2022

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Negeri (PKPN) ini bertujuan memaklumkan kepada semua Jabatan Kerajaan Negeri, Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri mengenai pelaksanaan perolehan untuk Membekal, Memasang dan Menyusun Perabot di semua Jabatan Kerajaan Negeri seluruh Kelantan bagi Tahun 2022.
- 1.2 Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri adalah diminta mengambil tindakan melaksanakan pemakaian pekeling ini manakala Ketua Jabatan Negeri perlu menerima pakai pekeling ini bagi setiap pembelian perabot di bawah kod 30000 (Aset), kod 40000 (Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap) dan kod 60000 (Amanah).

2. PEMBEKAL KONTRAK PUSAT

- 2.1 Bagi perolehan setiap item perabot, Perbendaharaan Negeri telah bersetuju untuk mengikat kontrak dengan syarikat-syarikat pembekal seperti di **Jadual 1**.

2.2 Pelantikan pembekal tersebut adalah berdasarkan kepada kriteria berikut :

- i) Syarikat kekal berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang bekalan berikut sepanjang tempoh kontrak;

Bidang	Sub-Bidang	Pecahan Sub-Bidang
02	01	01

3. TEMPOH KONTRAK

3.1. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **10 April 2022 sehingga 31 Disember 2022.**

4. ITEM DAN HAD HARGA PERABOT

4.1 Item perabot dan harga siling bagi pembelian setiap unit perabot termasuk kos pembungkusan dan penghantaran/pengiriman adalah sebagaimana **Jadual 2.**

5. SPESIFIKASI PERABOT

5.1 Spesifikasi perabot yang dibekalkan oleh mana-mana pembekal kepada jabatan mestilah sebagaimana yang ditetapkan dalam **Jadual 2.**

6. TEMPOH PENGHANTARAN PERABOT

6.1 Tempoh penghantaran perabot adalah **tidak melebihi 2 minggu daripada tarikh pesanan kerajaan** dikeluarkan.

7. KAEDAH PELAKSANAAN

7.1 Semua Jabatan Kerajaan Negeri dikehendaki mematuhi kaedah pelaksanaan seperti yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil. 4/2009 dan Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil. 3/2009.

7.2 Semua pembelian Aset hendaklah memperoleh kelulusan belanja daripada Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu sebelum membuat pesanan daripada pembekal kontrak pusat.

8. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL

8.1 Pegawai Pengawal/ Ketua Jabatan hendaklah memastikan agensi mematuhi peraturan perolehan berkaitan dalam menguruskan perolehan.

9. HAL-HAL LAIN

- 9.1 Jabatan hendaklah mengemukakan aduan secara rasmi mengenai prestasi pembekal yang kurang memuaskan (jika ada) ke Perbendaharaan Negeri.
- 9.2 Jika ada sebarang kemusykilan mengenai Pekeliling ini, jabatan/ agensi boleh menghubungi Bahagian Perolehan & Aset, Perbendaharaan Negeri di talian 09 - 7481957 (ext : 4207).


10. KUATKUASA

- 10.1. Jenis/ kategori item perabot yang tidak dinyatakan di **Jadual 2** di atas adalah tidak tertakluk kepada Pekeliling ini.
- 10.2. Pembelian perabot selain daripada pembekal sebagaimana di **Jadual 2** adalah tidak dibenarkan sama sekali melainkan dengan kelulusan bertulis daripada Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri.
- 10.3. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta daripada tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**** RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT ****
**** WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030 ****

Saya yang menjalankan amanah,


DATO' HAJI NORAZMAN BIN ABD. GHANI, D.P.S.K. (Kelantan)
Pegawai Kewangan Negeri
Kelantan

s.k.:

Yang Berhormat Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
Yang Amat Berusaha Pengarah Audit Negeri Kelantan

JADUAL 1

Bil.	Nama Syarikat	Alamat/No. Telefon/No. Faks	Perincian Bank
1.	PERABOT GHAZALI SDN. BHD.	Lot 2145, Batu 5, Kg Tunjung, Jalan Kuala Krai, 16010 KOTA BHARU, KELANTAN. No.Tel : 09-7413780/ 09-7413781 Fax : 09-7413782	Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) No. Akaun Bank: 03018010082530
2.	WAN JASA ENTERPRISE	Lot 685, Kg. Beta Hilir 15100 KOTA BHARU, KELANTAN. No.Tel : 019-9999782	Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) No. Akaun Bank: 03018010107077
3.	GM ENTERPRISE	Lot 3401, Jalan Pasir Hor, Kampung Padang Enggang, 15100 KOTA BHARU, KELANTAN. No.Tel : 019-9818030	Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) No. Akaun Bank: 03120010011025

JADUAL 2

BIL.	ITEM/ MODEL	HARGA MAKSIMUM BEKALAN (RM)	SPEKIFIKASI MINIMUM YANG PERLU DIPATUHI	PEMBEKAL
1.	Meja Standard Pegawai Kumpulan A + Side Table + Mobile 3 Drawer Model : EVO (APEX)	2,350.00	Fully Chipboard 2100W X 1000D X 760H + 1200W X 600D X 702H + 425W X 490D X 540H mm	Perabot Ghazali Sdn. Bhd.
2.	Meja Standard Pegawai Kumpulan A + High Mobile 3 Drawer Model : WK-SENTI-01, WK-SENTI-03 (APEX)	2,680.00	Chipboard + Besi 200W X 1800D 760H + 425W X 490D X 670H	Perabot Ghazali Sdn. Bhd.
3.	Meja Standard Pegawai Kumpulan B / Pembantu Tadbir Kanan Model : YH 1500 (APEX)	235.00	Chipboard 1500W X 740D X 760H	Perabot Ghazali Sdn. Bhd.
4.	Meja Pembantu Tadbir Model : YH 1200 (APEX)	205.00	Chipboard 1200W X 740D X 760H	Perabot Ghazali Sdn. Bhd.
5.	Meja L-Shape Model : YH ERGO (APEX)	580.00	Fully Chipboard (Top/Leg) 1500W/600D 1500L/600D 760H mm	Perabot Ghazali Sdn. Bhd.
6.	Mobile Pedastal Berlaci 3 Model : YHM 3D (APEX)	198.00	Fully Chipboard 425W X 490D X 540H	Perabot Ghazali Sdn. Bhd.
7.	Meja L-Shape Model : WK-LM-LS-1 (APEX)	698.00	Top Chipboard (Leg Steel) 1500W/600D 1500L/600D 760H mm	Perabot Ghazali Sdn. Bhd.
8.	Mobile Pedastal Berlaci 3 Model : YHM 3D (APEX)	350.00	Fully Chipboard (Optional) 425W X 490D X 540H	Perabot Ghazali Sdn. Bhd.
9.	Kabinet Besi Berlaci 4 Model : 106A (MK)	580.00	Besi 463W X 613D X 1320H mm	Wan Jasa Enterprise
10.	Kabinet Besi Berlaci 4 dan berpaling Model : 106A LB (MK)	680.00	Besi 463W X 613D X 1320H mm	Wan Jasa Enterprise
11.	Almari Simpanan / Almari Buku (Berpintu di bawah) Model : GM YH CUP	435.00	Chipboard 800W X 450D 1656H	GM Enterprise
12.	Mobile Filing Kabinet 4 Bays Model : 138-4B (MK)	3,480.00	Besi 2440W X 915D X 2045H mm	Wan Jasa Enterprise
13.	Mobile Filing Kabinet 6 Bays Model : 138-6B (MK)	4,698.00	Besi 3270W X 915D X 2045H mm	Wan Jasa Enterprise

BIL.	ITEM/ MODEL	HARGA MAKSIMUM BEKALAN (RM)	SPESIFIKASI MINIMUM YANG PERLU DIPATUHI	PEMBEKAL
14.	Pigeon Hole c/w 6 Pigeon Hole Side Table Model : 113-A (MK)	398.00	Besi 915W X 381D X 890H mm	Wan Jasa Enterprise
15.	Swing Door Cabinet Model : GM-YHW 808	275.00	Chipboard 800W X 450D X 828H	GM Enterprise
16.	Full Height Cupboard with Swinging Door Model : 118 (MK)	680.00	Besi 915W X 457D X 1828H	Wan Jasa Enterprise
17.	Kerusi pegawai jenis High Back Beroda dan bersisi (arm rest) Model : CH-355 NB (APEX)	498.00	Polyurethane	Perabot Ghazali Sdn. Bhd.
18.	Kerusi High Back Jenis Fabrik Beroda dan bersisi (arm rest) Model : EB 339M (EB)	285.00	Fabrik	Perabot Ghazali Sdn. Bhd.
19.	Kerusi Medium Back Jenis Fabrik Beroda dan bersisi (arm rest) Model : EB 338M (EB)	282.00	Fabrik	Perabot Ghazali Sdn. Bhd.
20.	Kerusi Medium Back Jenis Fabrik tanpa roda dan bersisi (arm rest) Model : EB 336M (EB)	268.00	Fabrik	Perabot Ghazali Sdn. Bhd.
21.	Kerusi Medium Back Jenis Fabrik tanpa roda dan tiada sisi Model : CH 540 (APEX)	150.00	Fabrik	Perabot Ghazali Sdn. Bhd.
22.	Kerusi Menunggu Berangkai 4 Tiada Pemisah Tepi (arm rest) Model : CH-3010-4	685.00	Fabrik	GM Enterprise
23.	Kerusi Menunggu Berangkai 4 Dengan Pemisah Tepi Model : CH-3101A-4	1,580.00	Fabrik	GM Enterprise
24.	Kerusi Velvet Model : CH-215E	85.00	Fabrik	GM Enterprise
25.	Kerusi Plastik Model : RY 7011A (3V)	28.00	Plastik	Perabot Ghazali Sdn. Bhd.
26.	Meja Komputer Model : CT-62 (4')	265.00	Chipboard	Perabot Ghazali Sdn. Bhd.
27.	Almari Simpanan Buku-Terbuka Model : GM 15	358.00	Chipboard	GM Enterprise